DISEDIAKAN OLEH:

LEORNA SHAZERINE BT ABD. MUTALIB

WEK000005

WXES 3182 : PROJEK ILMIAH TAHAP AKHIR II

TAJUK: LITAR ARITMETIK REJA

PENYELIA:

EN. NOORZAILY B. MOHAMED NOR

LITAR ARITMETIK REJA

ABSTRAK

Projek Ilmiah Tahap Akhir II, iaitu WXES 3182 adalah suatu latihan akademik didalam penyelidikan, rekabentuk, pembangunan dan komunikasi yang melibatkan prinsip-prinsip sains komputer. Projek WXES 3182 ini merupakan kursus pelengkap bagi pelajar-pelajar tahun akhir untuk mendapatkan penganugerahan Sarjana Muda Sains Komputer. Projek WXES 3182 ini adalah kesinambungan daripada projek WXES 3181. Kajian penyelidikan yang telah dijalankan adalah berkaitan dengan konsep sistem nombor reja dan litar aritmetik reja. Laporan latihan ilmiah tahap akhir II ini, merangkumi pembangunan projek WXES 3181 dan WXES 3182. laporan ini terdiri daripada lapan bahagian dan diantaranya ialah pengenalan kepada projek, kajian literasi, metodologi yang digunakan, dan rekabentuk litar . Setiap daripada bahagian-bahagian tersebut mengandungi huraian yang lebih terperinci berkenaan konsep sistem nombor reja dan litar aritmetik reja. Ini termasuklah beberapa huraian pengkodan VHDL yang mewakili sebahagian daripada komponen-komponen yang terdapat didalam litar aritmetik reja. Selain itu juga, terdapat beberapa rajah simulasi yang telah berjaya dilakukan bagi menyokong penyelidikan yang telah dijalankan. Kajian penyelidikan litar aritmetik reja ini juga telah dihurai didalam bentuk jurnal, iaitu salah satu daripada keperluan didalam pembangunan projek WXES 3182 ini. Hasil daripada kajian penyelidikan yang telah dijalankan, diharap dapat meningkatkan pemahaman kita tentang teknologi dan sains komputer.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.r.b.t dan salam sejahtera.

Syukur kehadrat Allah s.w.t., kerana dengan limpah rahmatnya, dapat saya menyiapkan projek latihan ilmiah tahap akhir II ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan rasa terima kasih dan penghargaan saya, kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak, bagi membantu saya menyempurnakan projek WXES 3182 ini. Penghargaan ini ditujukan khas kepada penyelia iaitu En. Noorzaily dan moderator, iaitu En.Zaidi yang telah bertanggungjawab didalam menyelia dan memantau setiap aktiviti yang saya lakukan disepanjang proses pembangunan projek WXES 3182 ini. Segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan amat saya sanjung tinggi dan ribuan terima kasih. Penghargaan ini juga saya tujukan buat ibu yang tersayang, yang selama ini telah banyak mendorong saya untuk mencapai kejayaan sehingga ke hari ini. Tidak lupa, ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi kepayahan untuk menjayakan pembangunan projek sehingga selesai. Diharap segala ilmu yang saya perolehi semasa membangunkan projek WXES 3181 & WXES 3182 ini, dapat digunakan dikemudian hari. Sebagai mengakhiri teks penghargaan ini, saya sudahi dengan lafaz alhamdulillah.

"Pisang Emas Di Bawa Belayar,

Masak Sebiji Diatas Peti,

Hutang Emas Boleh Dibayar,

Hutang Budi Dibawa Ke Mati".

ISI KANDUNGAN **MUKA SURAT**

BAB 4 : REKABENTUK LITAR ARITMETIK REJA

BAB 5 : PEMBANGUNAN LITAR ARITMETIK REJA

SENARAI JADUAL **MUKA SURAT**

SENARAI RAJAH **MUKA SURAT**

BAB 1 : PENGENALAN

1.1.0 Pengenalan Kepada Perkakasan Digital

Litar logik digunakan untuk membina perkakasan komputer, sepertimana kebanyakan produk elektronik yang lain. Produk-produk ini diklasifikasikan sebagai perkakasan digital. Teknologi yang digunakan untuk membina perkakasan digital telah meningkat dengan mendadak dan mengagumkan semenjak beberapa abad lepas. Sehingga tahun 1960-an, litar logik telah dibina dan pembinaannya memerlukan banyak komponen-komponen tunggal dan ruang seperti transistor dan perintang. Kemunculan litar bersepadu membolehkan penempatan beberapa transistor dan litar keseluruhannya, dibuat pada satu cip tunggal.

Pada peringkat awal, litar ini mempunyai beberapa transistor sahaja, tetapi dengan adanya perkembangan teknologi tinggi, bilangan transistor semakin bertambah. Cip litar bersepadu dibuat pada silicon wafer. Wafer ini dipotong untuk menghasilkan cip-cip tunggal dan kemudiannya ditempatkan didalam pakej cip tertentu. Pada tahun 1970-an, adalah menjadi suatu kenyataan untuk mengimplemenkan semua litar yang diperlukan bagi menghasilkan mikropemproses pada satu cip tunggal. Walaupun pada mulanya, mikropemproses telah mempunyai keupayaan pengkomputeran termoden dan dianggap memenuhi piawai sepertimana piawai pada masa kini, tetapi revolusi pemprosesan maklumat terus berkembang dan terbuka luas iaitu dengan terhasilnya komputer peribadi.

Kira-kira 30 tahun yang lalu, Gordon Moore, iaitu pengerusi Intel Corporation telah menyatakan bahawa teknologi litar bersepadu akan berkembang pada kadar yang mengagumkan, dimana terdapat pertambahan dua kali ganda bilangan transistor yang boleh ditempatkan pada satu cip bagi jangkamasa pada setiap satu setengah tahun ke dua tahun. Fenomena ini dikenali sebagai Moore's Law, dan ianya berterusan sehingga kini.

Diawal tahun 1990-an, mikropemproses boleh dihasilkan dengan beberapa juta transistor didalamnya dan dipenghujung tahun 90-an, adalah suatu kenyataan untuk membina cip yang mengandungi lebih daripada 10 juta transistor. Moore's Law dijangka akan berterusan sehingga ke dekad seterusnya. Konsortium pengilang litar bersepadu yang dikenali sebagai SIA telah membuat anggaran awal tentang perkembangan teknologi pada masa depan. Contoh kepada SIA Roadmap ini ditunjukkan seperti didalam jadual 1.1.

Jadual 1.1: SIA Roadmap

	Tahun					
	1999	2001	2003	2006	2009	2012
Panjang get transistor	0.14 μm	0.12 μm	0.10 μm	0.07 μm	0.05 μm	0.035 μm
Transistor per cm^2	14 juta	16 juta	24 juta	40 juta	64 juta	100 juta
Saiz cip	800 mm^2	850 mm^2	900 mm^2	1000 mm^2	1100 mm^2	1300 mm^2

1.1.1 Pengenalan Kepada Peranti Logik Teraturcarakan (PLD)

Cip ini mempunyai struktur biasa dan mengandungi koleksi suis teraturcarakan yang membenarkan litar dalaman didalam cip dikonfigurasi didalam kaedah yang berbeza-beza. Perekabentuk boleh mengimplementasikan segala fungsi aplikasi tertentu dengan memilih suis yang bersesuaian. Suis-suis ini diprogramkan oleh pengguna akhir. Kebanyakan PLD boleh diprogram beberapa kali. Ciri-ciri ini merupakan satu kelebihan kerana perekabentuk yang membangunkan prototaip produk boleh mengaturcara semula PLD tersebut. PLD wujud didalam julat saiz yang besar. Ianya boleh digunakan untuk

menghasilkan litar logik yang lebih besar berbanding cip biasa. Diantara kebanyakan PLD yang canggih ialah seperti FPGA (Field Programmable Gate Array). FPGA mengandungi lebih daripada 100 juta transistor. Cip ini mengandungi banyak elemen litar logik kecil yang boleh disambungkan bersama iaitu dengan menggunakan suis teraturcarakan. Elemen-elemen litar logi disusun didalam struktur dua dimensi.

1.1.2 Pengenalan Kepada FPGA

FPGA (Field Programmable Gate Array) merupakan suatu peranti teraturcarakan yang boleh dikonfigurasi pada pelbagai aplikasi. Peranti teraturcarakan yang digunakan dengan meluas adalah PROM(Programmable Read Only Memory). PROM wujud didalam dua versi asas iaitu Mask-Programmable Chip yang hanya boleh diprogram oleh pengeluar. Manakala Field-Programmable Chip pula boleh diprogram oleh pengguna akhir. Field Programmable PROM dibangunkan didalam dua jenis iaitu EPROM-Erasable Programmable Read Only Memory dan EEPROM-Electrically Erasable Programmable Read Only Memory. EEPROM mempunyai kelebihan boleh padam dan program semula berulang kali. MPGA-Mask Programmable Gate Array, dibangunkan untuk mengendalikan litar logik yang lebih besar. Didalam tahun 1985, Xilinx Inc. telah memperkenalkan FPGA. Saling hubungan antara setiap elemen direkabentuk untuk menjadikannya teraturcarakan pengguna.

1.1.3 Pengenalan Kepada Litar Aritmetik Reja

Litar aritmetik reja ini terdiri daripada gabungan litar darab-tambah dan litar penyemak ralat. Litar darab-tambah terdiri daripada komponen pendarab 8 x 8 bit dan penambah CLA. Manakala litar penyemak ralat pula terdiri daripada komponen pendarab aritmetik reja, komponen penambah aritmetik reja, komponen penukar dan komponen pembanding.. Didalam implementasi konvensional litar aritmetik reja, aritmetik perduaan dilaksanakan dan ini menyebabkan perambatan bawaan semasa penambahan dan akan menghadkan kelajuan operasi aritmetik reja. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, satu konsep baru digunakan pada aritmetik reja iaitu perwakilan reja lewahan yang menggunakan sistem nombor digit bertanda, digit-P asas-2. Ia menggunakan integer 2^P, 2^{P+1} dan 2^{P-1} sebagai moduli bagi sistem nombor reja.

Bagi operasi penambahan modulo m, ianya dilaksanakan oleh komponen MSDA (penambah digit bertanda tanpa bawaan), iaitu penambah CLA. Manakala operasi pendaraban modulo m (MSDM) pula dilaksanakan oleh PPG (penjana darab separa) dan pokok penambah perduaan MSDA. Operasi pendaraban dan penambahan di litar darab-tambah dilakukan dengan menukarkan nombor integer kepada perwakilan nombor perduaan digit bertanda. Manakala pada litar penyemak ralat , operasi pendaraban modulo m dan penambahan modulo m dilakukan, iaitu dengan menukarkan nombor integer kepada perwakilan nombor reja digit bertanda. Hasil operasi pendaraban dan penambahan di litar darab-tambah (nombor perduaan digit bertanda) akan ditukarkan kepada perwakilan nombor reja digit bertanda.

Kedua-dua hasil darab-tambah ini akan disemak oleh komponen pembanding di litar penyemak ralat iaitu dengan melakukan perbandingan pada kedua-dua hasil tersebut. Berasaskan pada konsep ini, maka semakan ralat pengiraan pada litar aritmetik reja dapat dilakukan dengan pantas dan mengatasi kelemahan pada litar aritmetik reja yang terdahulu

yang menggunakan perwakilan nombor perduaan. Perwakilan nombor digit bertanda asas-2, algoritma penambahan modulo m, algoritma pendaraban modulo m ini dihuraikan didalam kod VHDL untuk merekabentuk litar aritmetik reja 8-digit.

1.2 Definasi Masalah

Sepertimana yang kita ketahui, masalah biasanya dikaitkan dengan kegagalan untuk mencapai objektif pembangunan sesuatu projek Oleh itu, adalah sangat penting untuk mengenalpasti masalah-masalah, sama ada masalah terdahulu atau masalah yang dijangkakan akan berlaku. Ini bertujuan supaya objektif pembangunan sesuatu projek itu dapat dicapai terutamanya apabila melibatkan pembangunan projek baru dengan menggunakan kaedah atau konsep yang berlainan dengan tujuan untuk mengatasi kelemahan projek sebelumnya. Fenomena ini boleh dilihat pada pembangunan litar aritmetik reja sedia ada, dimana perwakilan nombor perduaan telah digunakan. Hasil daripada pembangunan litar aritmetik konvensional tersebut, beberapa masalah telah dikenalpasti dan perlu diselesaikan, diantaranya seperti berikut:-

i. Perambatan bawaan

Masalah perambatan bawaan ini berlaku semasa operasi penambahan dijalankan, dimana ia mempengaruhi operasi pada litar aritmetik reja secara keseluruhannya. Perambatan bawaan ini telah menyebabkan kelajuan operasi aritmetik dan operasi penyemakan ralat menjadi perlahan.

ii. Kepadatan rekabentuk litar

Proses pembangunan cip mengambilkira rekabentuk sesuatu litar. Oleh itu, kita perlu memastikan bahawa rekabentuk litar aritmetik reja mestilah ringkas dan padat supaya penggunaan ruang dapat dijimatkan dan meningkatkan kelajuan operasi.

iii. Meminimakan penggunaan get-get logik

Litar yang baik adalah litar yang kurang menggunakan get-get logik tetapi dapat melaksanakan fungsi sesuatu litar itu dengan berkesan.

iv. Memastikan pembangunan projek disempurnakan mengikut perancangan

Pembangunan litar aritmetik reja ini mestilah dapat disempurnakan mengikut jadual proses kerja yang telah ditetapkan.

1.3 Skop Projek

Bahagian skop projek ini adalah untuk mengkhususkan permasalahan projek kepada sub-sub bahagian supaya ianya lebih terperinci dan jelas. Skop permasalahan yang perlu diselesaikan di dalam Latihan Ilmiah II-WXES 3182 ini terbahagi kepada dua, iaitu:-

1.3.1 Skop A : Skop Permasalahan Litar Aritmetik Reja Digit Bertanda.

i. Menghasilkan litar aritmetik pengesan ralat menggunakan penyemak reja dengan sistem nombor digit bertanda, 8-digit.

ii. Mengimplementasikan sistem nombor digit bertanda pada litar aritmetik reja menggunakan moduli 2^P, 2^{P+1} atau 2^{P-1}.

iii. Menggabungkan komponen pendarab 8x8 bit, komponen penambah CLA, komponen penambah modulo m (MSDA), komponen pendarab modulo m (MSDM), komponen penukar dan komponen pembanding menjadi satu litar aritmetik reja digit bertanda.

iv. Memastikan litar darab-tambah dan litar penyemak ralat dapat menjalankan fungsi masing-masing.

v. Memastikan integrasi wujud diantara nombor perduaan, nombor digit bertanda dan nombor reja.

vi. Menghasilkan litar aritmetik reja yang berupaya melaksanakan operasi aritmetik dan semakan ralat pada kadar kelajuan yang tinggi.

vii. Memastikan kelakuan setiap komponen dihurai didalam kod VHDL dengan tepat dan mencapai objektif pembangunan projek.

viii. Memastikan proses kompil, simulasi dan ujian bangku setiap komponen berjaya dilakukan dan bebas ralat.

ix. Memastikan bentuk gelombang yang terhasil adalah tepat dan bebas ralat.

1.3.2 Skop B : Skop Permasalahan Pendarab Aritmetik Reja Digit Bertanda.

i. Membangunkan litar pendaraban dengan menggunakan modulo m SD multiplier.

ii. Memastikan litar darab-tambah dan litar penyemak ralat berupaya untuk melaksanakan operasi pendaraban yang melibatkan nombor perduaan, digit bertanda dan nombor reja.

iii. Mengimplementasikan algoritma pendaraban aritmetik reja digit bertanda kepada operasi pendaraban reja pada litar sebenar.

iv. Melaksanakan operasi penjana darab separa (PPG) dan pokok penambah perduaan digit bertanda pada litar penyemak ralat.

v. Kenalpasti dan menentukan jenis moduli $m=\{2^P, 2^{P+1}$ atau $2^{P-1}\}$ yang sesuai bagi algoritma pendaraban aritmetik reja digit bertanda.

vi. Kenalpasti dan menentukan konsep pendaraban yang sesuai bagi menghasilkan litar pendaraban yang berkelajuan tinggi.

vii. Memastikan perisian aplikasi VHDL yang hendak digunakan boleh memenuhi segala keperluan untuk merekabentuk litar aritmetik reja.

viii. Membangunkan rekabentuk litar pendaraban aritmetik reja digit bertanda yang lebih padat dan menggunakan get-get logik pada kadar yang paling minima.

ix. Mendapatkan masa operasi pendaraban yang laju dan mengurangkan masa lengah semasa proses simulasi dijalankan.

x. Memastikan proses kompil, simulasi dan ujian bangku berjaya dilakukan dan bebas dari sebarang ralat.

xi. Memastikan bentuk gelombang berjaya dihasilkan dan bebas ralat.

xii. Memastikan bentuk gelombang yang terhasil mencapai objektif pembangunan komponen.

1.3.3 Skop C : Skop Permasalahan Pendarab 8 × 8 bit.

i. Membangunkan litar pendarab 8 × 8 bit dengan menggunakan konsep pendaraban langsung.

ii. Memastikan litar darab-tambah berupaya untuk melaksanakan operasi pendaraban yang melibatkan nombor perduaan.

iii. Mengimplementasi algoritma pendaraban nombor perduaan kepada operasi pendaraban perduaan pada litar sebenar.

iv. Mendapatkan masa operasi pendaraban perduaan yang laju dan masa lengah yang kurang semasa proses simulasi dijalankan.

v. Memastikan proses kompil, simulasi dan ujian bangku berjaya dilakukan dan bebas dari sebarang ralat.

vi. Memastikan bentuk gelombang berjaya dihasilkan dan bebas ralat.

vii. Memastikan bentuk gelombang yang terhasil mencapai objektif pembangunan komponen.

1.4 Objektif

Untuk mencapai objektif pembangunan litar aritmetik reja digit bertanda ini, beberapa langkah-langkah penyelesaian telah dikenalpasti untuk menangani masalah yang dinyatakan didalam definasi masalah dan skop projek, antaranya seperti berikut:-

i. Masalah perambatan bawaan pada litar aritmetik reja yang menggunakan perwakilan nombor perduaan boleh diatasi dengan membangunakan litar aritmetik reja yang menggunakan konsep sistem nombor digit bertanda. Diketahui bahawa, perambatan bawaan adalah terhad kepada satu kedudukan semasa proses penambahan nombor digit bertanda. Dengan ini, kadar kelajuan operasi litar aritmetik reja secara keseluruhannya dapat ditingkatkan.

ii. Litar aritmetik reja digit bertanda boleh direkabentuk dengan menggunakan pendekatan metodologi VHDL-Very High Description Language. Bahasa huraian HDL ini, sangat efisyen untuk mengimplementasikan FPGA-Field Programmable Gate Array Architecture ke teknologi ASIC-Application Specific Integrated Circuit. Ini kerana VHDL merupakan bahasa yang dicipta untuk menghuraikan kelakuan bagi sistem dan litar elektronik digital.

iii. Pembangunan Litar aritmetik reja digit bertanda ini boleh direalisasikan dengan menggunakan perisian aplikasi VHDL, iaitu PeakFPGA Design Suite (Accolade). Aplikasi perisian ini dipilih kerana PeakFPGA Design Suite merupakan tool yang menyediakan kombinasi FPGA synthesis yang terbaik dan mempunyai ciri-ciri penggunaan yang mudah. PeakFPGA Design Suite adalah tool perisian yang

sempurna dan suatu sistem yang berkuasa tinggi bagi pembangunan aplikasi FPGA.

iv. Pelaksanaan operasi penjana darab separa (PPG) dan pokok penambah perduaan digit bertanda pada litar darab-tambah dan litar penyemak ralat boleh dilakukan dengan mengimplementasikan fungsi matematik dan menghuraikannya kepada kod VHDL.

v. Melakukan pengubahsuaian pada algoritma pendaraban aritmetik reja digit bertanda dan penjana darab separa (PPG) untuk diimplementasikan kepada bahasa VHDL.

vi. Modulo, $m = 2^{P-1}$ dicadangkan didalam pelaksanaan algoritma pendaraban litar aritmetik digit bertanda. Modulo 2^{P-1} ini dipilih kerana ia dapat menghasilkan rekabentuk litar pendarab aritmetik reja yang lebih padat dan kurang menggunakan get-get logik. Ianya bertujuan untuk mencapai objektif pembangunan cip dan keberkesanan litar, dimana ia dapat menjimatkan penggunaan ruang, kos dan meningkatkan kelajuan.

1.5 Kekangan

Kegagalan sesuatu pembangunan projek mencapai objektifnya boleh juga dikaitkan dengan wujudnya masalah kekangan. Masalah kekangan ini, disebabkan oleh faktor luaran seperti masa, kos, tahap keupayaan aplikasi perisian yang digunakan dan lain-lain lagi. Selain itu, masalah kekangan juga disebabkan oleh tahap keupayaan sesuatu operasi projek adalah terhad untuk mencapai objektif kefungsiannya secara keseluruhannya. Oleh itu, didalam pembangunan litar aritmetik reja digit bertanda ini juga terdapat beberapa masalah kekangan yang dijangka akan berlaku semasa proses pembangunannya diantaranya seperti berikut:-.

i. Keupayaan kapasiti ingatan yang terhad

Perlaksanaan operasi litar aritmetik reja digit bertanda didalam perisian aplikasi VHDL memerlukan ruang ingatan yang besar.. Oleh itu, bilangan bit yang digunakan adalah terhad kepada 8 bit, supaya proses simulasi dapat dilakukan dengan lancar dan bebas ralat.

ii. Kekangan aplikasi perisian VHDL – PeakFPGA Design Suite (Accolade)

Terdapat ralat kod sumber VHDL semasa kompil. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh keupayaan library pada perisian aplikasi VHDL yang terhad dan tidak dapat memenuhi sintaks yang digunakan didalam pengekodan litar aritmetik reja digit bertanda. Selain daripada itu berlaku masalah pengemaskinian fail objek semasa kompil dan simulasi dan menyebabkan ralat pada paparan bentuk gelombang .

iii. Kekangan kegagalan saling hubungan komponen

Komponen pendarab modulo m menggunakan penjana darab separa dan penambah CLA untuk melaksanakan operasi pendaraban nombor reja. Oleh itu, ia memerlukan fungsi

penukaran nombor bagi membolehkannya mencapai keselarian panjang input dan ouput dengan komponen penambah CLA. Oleh kerana kegagalan kefungsian komponen penukar, maka komponen pendarab modulo m tidak dapat melaksanakan operasi penambahan hasil darab separa.

iv. Kekangan masa

Untuk membangunkan litar aritmetik reja digit bertanda ini sehingga ke peringkat rekabentuk cip adalah sukar kerana melibatkan banyak proses yang perlu dilakukan dan mengambil masa yang panjang untuk disiapkan. Oleh itu, pembangunan litar aritmetik reja ini dijangka hanya dapat dilakukan sehingga ke proses simulasi.

1.6 Rancangan Perlaksanaan Projek WXES 3181 & WXES 3182

Jangkamasa dan aktiviti-aktiviti bagi pembangunan projek WXES 3181 & WXES 3182 digambarkan didalam jadual di bahagian Apendiks A dan Apendiks B.

BAB 2 : KAJIAN LITERASI

Kajian literasi ini melibatkan beberapa analisis yang dilakukan keatas pembangunan litar aritmetik konvensional yang terdahulu. Kajian literasi ini dilakukan dengan merujuk kepada beberapa jurnal dan buku yang berkaitan dengan konsep nombor reja, nombor digit bertanda dan nombor perduaan. Kajian ini juga meliputi aplikasi perisian sedia ada yang melaksanakan fungsi matematik.

2.1 Analisis Dari Jurnal Dan Buku

i. N.S.Szabo and R.I.Tanaka [1], telah menyatakan bahawa aritmetik reja boleh melakukan operasi tambah, tolak dan darab didalam satu langkah tanpa mengambilkira panjang bagi sesuatu nombor serta tidak memerlukan perantaraan digit bawaan.

ii. N.S.Szabo and R.I.Tanaka dan D.P.Agrawal and T.R.N.Rao [1,2], hasil analisis daripada kedua-dua jurnal ini, mereka telah menyatakan bahawa integer 2_P, 2_{P+1} dan 2_{P-1} biasanya digunakan sebagai moduli bagi sistem nombor reja kerana penambahan modulo 2_P,2_{P+1} atau 2_{P-1} boleh diimplementasikan melalui penambah perduaan P-bit.

iii. F.J.Taylor dan A.Hiasat [3,4], telah mengesyorkan pendarab modulo 2_{P+1}, 2_{P-1}.

Walau bagaimanapun, oleh kerana penambah dan pendarab modulo 2_{P+1}, 2_{P-1} ini direkabentuk berasaskan pada sistem aritmetik perduaan biasa, maka perambatan bawaan akan berlaku semasa penambahan dan menghadkan kelajuan operasi aritmetik dalam modul reja. Untuk mengatasi masalah ini satu konsep baru telah dicadangkan.

iv. Menurut A.Anizienis [5], beliau telah menyatakan didalam jurnalnya bahawa penggunaan perwakilan nombor digit bertanda boleh menghadkan perambatan bawaan kepada satu kedudukan semasa penambahan.

v. Manakala S.Wei and K.Shimizu [6], pula telah mencadangkan satu konsep baru pada aritmetik reja dengan perwakilan reja lewahan yang menggunakan sistem nombor digit bertanda, p-digit asas-2 untuk melaksanakan aritmetik reja berkelajuan tinggi.

vi. Selain itu terdapat 3 penulis jurnal yang memberikan pandangan yang sama dimana mereka telah menyatakan bahawa litar modulo 2_{P+1} dan 2_{P-1} boleh digunakan didalam sistem nombor reja atau semakan reja bagi mendapatkan operasi berkelajuan tinggi [1,3,4].

vii. S.Wei and K.Shimizu [6], telah menganggarkan prestasi yang boleh dicapai oleh litar aritmetik yang menggunakan penyemak ralat reja sistem nombor digit bertanda, seperti didalam jadual 2.1.

Jadual 2.1 : Prestasi litar penyemak ralat

Litar	Get	Masa lengah (ns)
Darab-tambah	14,629	293.68
MSDA	190	5.45
MSDM	1552	28.64
Penukar(64)	1453	25.35
Penukar(32)	669	16.93

2.2 Analisis Aplikasi Perisian – MATLAB

MATLAB-Matrix Laboratory adalah perisian visual dan pengkomputeran berprestasi tinggi yang melaksanakan operasi aritmetik berasaskan pada operasi matrix dan array. Operasi aritmetik matrix ditakrifkan menggunakan peraturan matrix algebra. Manakala operasi array pula dilakukan dari satu elemen ke satu elemen. Namun begitu, aplikasi perisian ini juga mempunyai beberapa kelemahan, diantaranya seperti berikut:-

i. Operasi penambahan dan pendaraban perlu mematuhi beberapa prinsip matrix, dimana;

   i.i. Penambahan/penolakan - hanya ditakrifkan jika dua matrix yang terlibat mempunyai dimensi yang sama.

   i.ii. Pendaraban - hanya berfungsi jika matrix mempunyai nilai dalaman dimensi yang sama.

ii. Operasi aplikasi perisian ini lebih tertumpu kepada konsep sains komputer dan tidak menggunakan konsep matematik keseluruhannya.

iii. Kelajuan dan keupayaan operasi aritmetik aplikasi perisian ini bergantung pada prestasi CPU dan ALU komputer yang digunakan.

iv. Pengguna perlu mempunyai kemahiran didalam bidang sains komputer dan matematik untuk menggunakan aplikasi perisian ini.

v. Jenis nombor yang boleh digunakan untuk melaksanakan operasi aritmetik adalah terhad.

vi. Aplikasi perisian ini tidak boleh melakukan pengesanan dan penyemakan ralat pada hasil operasi aritmetik yang dijalankan.

2.3 Analisis Konsep Pendaraban Langsung

Pada kebiasaannya, kita melakukan operasi pendaraban dengan menggunakan konsep pendaraban langsung yang panjang menggunakan nombor asas sepuluh (decimal).

Cth 1:

				3	1	8	4	×
				6	2	0	7	
			2	2	2	8	8	(3184×7)
							0	(3184×00)
		6	3	6	8	0	0	(3184×200)
1	9	1	0	4	0	0	0	(3184×6000)
1	9	7	6	3	0	8	8	

Untuk mengimplementasikan fungsi ini didalam logik perduaan, langkah utama yang perlu dilakukan adalah memisahkan operasi pendaraban panjang ini kepada bahagian-bahagian unsur. Hasil darab yang terakhir dibina daripada penambahan bagi setiap nombor komponen. Nombor pertama didarabkan dengan setiap komponen pada nombor kedua didalam turutan giliran dan anjakan. Biasanya, didalam konsep pendaraban panjang ini, operasi penjumlahan untuk mendapatkan hasil darab dilakukan hanya sekali, bagi keseluruhan komponen yang telah dikira.

Namun begitu, terdapat pendekatan alternatif yang boleh diiplementasi dimana ianya melibatkan pengiraan pendaraban separa pada setiap peringkat. Pendekatan ini merujuk kepada, perlunya untuk menyimpan dua nilai, iaitu nilai pendaraban separa dan

nilai komponen pendaraban tunggal bagi melakukan operasi pendaraban. Dua nilai ini ditambah bersama untuk mengira pendaraban separa yang baru. Konsep ini memudahkan operasi pendaraban iaitu dengan hanya menambah dua nombor. Pendaraban panjang asas sepuluh masih lagi memerlukan pendaraban bagi mengira setiap nilai komponen.

Cth 2:				3	1	8	4	×
				6	2	0	7	
							0	(darab separa)
			2	2	2	8	8	(3184×7)
			2	2	2	8	8	(darab separa)
							0	(3184×00)
			2	2	2	8	8	(darab separa)
		6	3	6	8	0	0	(3184×200)
		6	5	9	0	8	8	(darab separa)
1	9	1	0	4	0	0	0	(3184×6000)
1	9	7	6	3	0	8	8	

Konsep ini juga boleh diimplen bagi operasi pendaraban dua nombor perduaan. Didalam pendaraban nombor perduaan, terdapat dua nilai yang mungkin bagi menjalankan

operasi darab, iaitu bit 0 dan bit 1, yang mana akan menghasilkan nilai 0 atau nombornya sendiri.

Cth 3:

			1	0	0	1	×
			1	1	0	1	
			1	0	0	1	(1001×1)
						0	(1001×00)
	1	0	0	1	0	0	(1001×100)
1	0	0	1	0	0	0	(1001×1000)
1	1	1	0	1	0	1	

Berikut adalah contoh operasi pendaraban nombor perduaan yang menggunakan pendaraban separa;

Cth 4:			1	0	0	1	×	
			1	1	0	1		
							0	(darab separa)
			1	0	0	1		(1001×1)
			1	0	0	1		(darab separa)
							0	(1001×00)
		1	0	0	1	0	0	(1001×100)
		1	0	1	1	0	1	(darab separa)
	1	0	0	1	0	0	0	(1001×1000)
	1	1	1	0	1	0	1	

2.4 Analisis Konsep Perwakilan Nombor Reja & Konsep Perwakilan Nombor Digit Bertanda

2.4.1 Konsep Sistem Nombor Reja

Penukaran integer biasa kepada perwakilan nombor reja boleh dilakukan dengan menggunakan modulo. Ia menggunakan nombor digit bertanda; P-digit asas-2.

Persamaan penukaran nombor integer kepada nombor reja, [6]:

Pers. 1: $x_m = X - m[X/m]$ x_m = integer reja,

X = integer,

m = modulo; $m = 2^{P-1}$

2.4.2 Konsep Sistem Nombor Digit Bertanda

Melibatkan penukaran nombor integer biasa kepada nombor perduaan digit bertanda asas-2. Nombor perduaan digit bertanda asas-2 hanya melibatkan nombor -1, 0 dan 1, [6].

Fungsi aritmetik digit bertanda asas-2:

Pers. 2: $Z = A \times B + C$ A, B = n-bit nombor perduaan

C, Z = $2n$-bit nombor perduaan

Persamaan darab-tambah dalam bentuk perwakilan digit bertanda nombor reja asas-2

Pers. 3: $Z = \| |A|_m | \times |B|_m | + |C|_m |_m$;

$|A|_m$, $|B|_m$, $|C|_m$, $|Z|_m$ = nombor perduaan p-bit

2.4.3 Algoritma Pendaraban Modulo m

Dengan menggunakan 2 integer iaitu x dan y dalam perwakilan nombor digit bertanda, P-digit asas-2, operasi pendaraban modulo m boleh dilakukan dengan menggunakan konsep penjana darab separa (PPG),[6].

Pers. 4: $$\langle x \times y \rangle_m = \langle \sum_{i=0}^{p-1} \langle y_i 2^i \times (x_{p-1} 2^{p-1} + x_{p-2} 2^{p-2} + \ldots + x_0) \rangle_m \rangle_m$$

$$= \langle \sum_{i=0}^{p-1} ppi \rangle_m$$

Di mana ;

$$ppi = \langle y_i 2^i \times (x_{p-1} 2^{p-1} + x_{p-2} 2^{p-2} + \ldots + x_0) \rangle_m \rangle_m ;$$

$$\langle 2^p \rangle_m = -\mu \ldots\ldots \mu \in \{-1,1\};$$

$$\langle x_{p-1} 2^p \rangle_m = -\mu \times x_{p-1} = x_{-1};$$

$$yi \in \{-1,0,1\};$$

Apabila $\langle 2^p \rangle_m$ digantikan dengan $-\mu$, maka persamaan akan menjadi;

$$ppi = yi \times (x_{p-i-1}, x_{p-i-2}, \ldots, x_0, -\mu x_{p-1}, \ldots, -\mu x_{p-i+1}, -\mu x_{p-i})_{SD}$$

2.4.4 Implementasi Algoritma Modulo m Kepada VHDL

Untuk menentukan perwakilan nombor digit betanda asas-2, x_i ditunjukan seperti didalam jadual 2.2, [6] :-

Jadual 2.2: Perwakilan perduaan bagi RSD asas-2

x_i	x_i (1)	x_i (0)
-1	1	1
0	0	0
1	0	1

x_i (1) = tanda ;

x_i (0) = nilai mutlak (abs) bagi x

Dengan mengubahsuai algoritma 1; maka abs(x_i) ≠ abs(y_i) adalah seperti berikut :-

$$z_i = \begin{cases} -(x_i + y_i) & \text{jika } T = TL \\ x_i + y_i & \text{sebaliknya} \end{cases}$$

dan

$$c_i = \begin{cases} x_i + y_i & \text{jika } T = TL \\ 0 & \text{sebaliknya} \end{cases}$$

dimana

$T = x_i\,(1)$ or $y_i\,(1)$

$TL = x_{i-1}(1)$ or $y_{i-1}\,(1)$

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Latar Belakang VHDL

Pada tahun 1981, satu bengkel tentang HDL telah dianjurkan oleh United States Department of Defense (DoD) di Woods Hole, Massachusetts untuk melakukan penyelidikan tentang tool dokumentasi dan rekabentuk piawai bagi program litar bersepadu kelajuan tinggi, VHSIC. Bengkel ini dikendalikan oleh Institute for Defense Analysis (IDA) untuk mengkaji pelbagai kaedah huraian perkakasan, keperluan satu bahasa piawai dan ciri-ciri yang mungkin perlu oleh sesuatu piawai tersebut. Oleh kerana program VHSIC ini dibawah pengawasan United States International Traffic and Arms Regulations (ITAR), maka komponen VHDL bagi program ini pada mulanya tertakluk dibawah pengawasan ITAR.

Dalam tahun 1983, DoD memperkenalkan keperluan bagi piawai bahasa huraian perkakasan VHSIC berdasarkan pada cadangan dari bengkel "Woods Hole". Kontrak untuk pembangunan bahasa VHDL dan persekitarannya serta perisiannya telah diberikan kepada IBM, Texas Instruments dan Intermetrics. Kerja pembangunan VHDL ini telah dimulakan pada tahun 1983. Pada masa tersebut, spesifikasi bahasa ini tidak lagi dibawah pengawasan ITAR, tetapi pengawasan masih lagi diteruskan pada pembangunan perisian kerajaan. VHDL 2.0, telah dikeluarkan hanya selepas 6 bulan projek bermula. Walaubagaimanapun, versi ini hanya membenarkan pernyataan serentak dan tidak berupaya untuk menghuraikan perkakasan dalam perisian berjujukan. Kelemahan ini boleh mengganggu keupayaan bagi bahasa huraian kelakuan tahap tinggi. Bahasa ini telah dipertingkatkan dan kelemahan ini telah diperbaiki apabila VHDL 6.0 dikeluarkan, pada Disember, 1984. Pada tahun yang sama, pembangunan VHDL berasaskan tool juga bermula. Dalam tahun 1985, VHDL dan perisian-perisian yang berkaitan, tidak lagi

tertakluk dibawah pengawasan ITAR, manakala hakcipta VHDL 7.2 Language Reference Manual (LRM) telah dipindahmilik kepada IEEE untuk pembangunan dan piawaian yang lebih lanjut. Ini telah mendorong kepada pembangunan IEEE 1076/ A VHDL Language Reference Manual (LRM), dimana ia telah dikeluarkan pada Mei, 1987. Setahun kemudian, versi B bagi LRM telah dibangunkan dan diluluskan oleh REVCOM (Ahli Jawatan Kuasa Lembaga piawaian IEEE). VHDL 1076-1987, secara rasminya menjadi piawai HDL IEEE pada Disember, 1987. Usaha untuk mendefinisikan versi baru bagi VHDL bermula pada tahun 1990, oleh sekumpulan sukarelawan yang bekerja dibawah IEEE DASC (Design Automation Standards Committee).

Pada Oktober, 1992, VHDL yang baru dirujuk sebagai VHDL'93 telah disempurnakan dan dikeluarkan. Selepas pengubahsuaian kecil dilakukan, versi baru ini mendapat kelulusan dari ahli kumpulan pengundi VHDL dan menjadi bahasa piawai VHDL yang baru. Piawai VHDL secara rasminya dirujuk sebagai VHDL 1076-1993. Dalam pertengahan tahun 1994,

aktiviti mendapatkan piawai bagi versi ini selesai dilakukan.

3.2 Bahasa VHDL

Pada asalnya VHDL merupakan bahasa HDL yang lebih menekankan pada keserentakan. Bahasa ini menyokong huraian berhierarki bagi perkakasan daripada sistem kepada get malah sehingga ke peringkat suis. VHDL menyokong pada semua peringkat spesifikasi pemasaan dan pengesanan perlanggaran. Seperti yang dijangkakan, VHDL menyediakan binaan bagi konfigurasi dan spesifikasi rekabentuk generik. Design entity VHDL ditakrifkan sebagai pengisytiharan entity dan gabungannya iaitu architecture body. Pengisytiharan entity menentukan antaramukanya dan ia digunakan oleh architecture body pada design entity di paras paling atas hierarki. Architecture body menghuraikan operasi design entity iaitu, melalui penentuan salinghubungannya dengan design entity yang lain, melalui kelakuannya atau gabungan kedua-duanya. Bahasa VHDL ini, menghimpunkan subprogram atau design entity dengan menggunakan packages. Untuk menghuraikan generic bagi design entity , configuration digunakan. VHDL juga menyokong libraries dan mengandungi binaan untuk capaian packages, design entity atau configuration daripada pelbagai libraries. Persekitaran rekabentuk VHDL digambarkan seperti dalam rajah 3.1.



Rajah 3.1 : Persekitaran rekabentuk VHDL

Rajah 3.1 menunjukkan analyzer program menterjemahkan huraian VHDL kepada bentuk perantaraan dan menempatkannya didalam libraries rekabentuk. Analyzer berfungsi sebagai penganalisis leksikal dan penyemak sintaks. Operasi pada libraries rekabentuk, seperti mencipta libraries baru, menghapuskan libraries lama atau menghapuskan packages atau design entity dari libraries dilakukan melalui persekitaran rekabentuk. VHDL berasaskan tools menggunakan bentuk perantaraan daripada libraries rekabentuk. Satu tool pembangunan yang baik ialah VHDL simulator, yang mana ia melakukan simulasi design entity daripada libraries rekabentuk dan menghasilkan laporan simulasi. Manakala, synthesizer pula menguji vector generator, dan tools rekabentuk fizikal merupakan contoh lain bagi VHDL berasaskan tools. VHDL berasaskan tools sedia untuk kebanyakkan jenis platforms dari komputer sehinggalah ker Unix multipengguna. Simulators untuk keseluruhan VHDL IEEE 1076 juga sedia untuk pelbagai jenis

platforms. Selain itu juga, terdapat beberapa program sintesis yang merupakan subset dari VHDL sebagai input dan menjana netlist.

Bahasa VHDL amat berkesan untuk megimplementasikan FPGA (Field Programmable Gate Array) ke teknologi ASIC (Application Specific Integrated Circuit) berbanding dengan bahasa HDL yang lain. Bahasa VHDL dipilih untuk menghuraikan litar aritmetik reja kerana kelebihan yang terdapat pada bahasa ini seperti berikut:-

i. Rekabentuk boleh dipecahkan secara hierarki.
ii. Setiap elemen rekabentuk mempunyai takrifan antaramuka yang baik dan spesifikasi kelakuan yang jelas dan tepat.
iii. Spesifikasi boleh menggunakan algoritma atau struktur perkakasan untuk mentakrifkan operasi elemen-elemen.
iv. Keserentakan, pemasaan dan clock boleh dimodelkan. VHDL mengendalikan struktur litar-berjujukan segerak dan tak segerak.
v. Kod sumber rekabentuk boleh digunakan untuk semua jenis teknologi tanpa perlu mengubahnya.
vi. Operasi logikal dan kelakuan pemasaan bagi rekabentuk boleh disimulasikan

3.3 Aliran Rekabentuk



Rajah 3.2 : Aliran rekabentuk

3.3.1 Hierarki / Rajah Blok

Bermula dengan memberi gambaran tentang pendekatan asas dan pembinaan blok pada tahap rajah blok. VHDL boleh memberi rangka kerja yang baik, iaitu dengan mentakrifkan modul-modul dan antaramukanya dan kemudian memasukkan butir-butir kedalamnya.

3.3.2 Pengekodan

Melibatkan proses menulis kod VHDL bagi modul-modul, antaramuka dan butir-butir didalamnya. Penulisan kod dilakukan dengan menggunakan VHDL text editor, dan

sesetengah editor mempunyai ciri-ciri seperti highlight pada katakunci VHDL dan indenting secara automatik, built-in templates bagi struktur program, pemeriksaan sintaks dalaman dan capaian kepada compiler.

3.3.3 Kompil

Melibatkan proses kompil kod yang telah selesai ditulis. VHDL compiler akan menganalisa kod ralat sintaks dan memeriksa kesesuaiannya dengan modul lain. Ia juga mencipta mencipta maklumat dalaman yang diperlukan semasa proses simulasi.

3.3.4 Simulasi / Pengesahbetulan

Melibatkan proses mentakrifkan dan menggunakan input kepada rekabentuk dan memerhatikan outputnya tanpa perlu membina litar fizikal. VHDL Simulator berupaya mencipta test benches yang menggunakan input secara automatik dan membandingkannya dengan output yang dijangka. Selain itu ia juga berfungsi untuk mengesahkan bahawa litar beroperasi sepertimana yang dijangkakan.

3.4 Bahasa AHPL, CDL, CONLAN, IDL, ISPS, TEGAS, TI-HDL

Pada peringkat awal program VHSIC diperkenalkan, didapati tiada satu pun bahasa HDL sedia ada yang sesuai dan boleh digunakan sebagai tool untuk rekabentuk, pengeluaran dan dokumentasi bagi litar digital dari peringkat IC sehingga sistem yang lengkap. Sebahagian daripada kajian yang dilakukan untuk pembangunan keperluan bahasa VHSIC, adalah aktiviti menganalisa keupayaan, kelemahan dan ciri-ciri lain yang terdapat pada 8 jenis bahasa HDL yang sedia ada pada masa tersebut, diantaranya seperti berikut:-

i. AHPL- A Hardware Programming Language

AHPL adalah bahasa HDL yang berfungsi menghuraikan perkakasan pada peringkat aliran data bagi pengabstrakan. Bahasa ini menggunakan implicit clock untuk menyegerakkan data kepada daftar dan flip-flop, tetapi ia tidak menyokong huraian litar tak segerak. Huraian bahasa ini mengandungi modul keserentakan interaksi dan tidak menyokong hierarki modul. Jenis data didalam AHPL adalah tetap dan terhad kepada bit, bit vector dan bit array. Prosedur dan fungsi hanya boleh dilakukan didalam konteks unit logik bergabungan. Spesifikasi lengah dan had tidak boleh dilakukan dalam AHPL dan umpukan nilai kepada bas dan daftar berlaku pada masa yang sama tanpa adanya masa lengah, kerana ianya disegerakkan dengan implicit clock.

ii. CDL-Computer Design Language

CDL adalah bahasa HDL yang dibangunkan didalam persekitaran akademik yang mempunyai arahan didalam sistem digital. Bahasa ini adalah terhad kepada bahasa aliran data dan tidak menyokong rekabentuk hierarki. Didalam CDL, microstatements digunakan untuk memindahkan data kepada daftar. Microstatements ini menggunakan pernyataan berbentuk if-then-else dan boleh disarangkan.

iii. CONLAN-Consensus Language

